

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Islam
Sent: Monday, January 11, 2016 1:15 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TAZKIRAH MINGGU INI



11 Januari 2015 / 1 Rabiulakhir 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera

YBhg. Dato' / Prof / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan

PUSAT ISLAM ONLINE:

Tazkirah minggu ini untuk renungan bersama:

Tujuh Golongan Insan Mendapat Naungan Allah.

Rasulullah s.a.w bersabda yang maksudnya: Sebilangan manusia yang dinaungi Allah di bawah naungan-Nya pada hari kiamat iaitu hari yang tidak ada sebarang naungan padanya selain daripada naungan Allah; di antaranya ialah: Pemerintah yang adil, pemuda yang hidupnya sentiasa dalam mengerjakan ibadah kepada tuhan-Nya, orang yang hatinya sentiasa terikat dengan masjid, dua orang yang berkasih sayang kerana Allah di mana kedua-duanya berkumpul dan berpisah untuk mendapat keredaan Allah, orang yang dipujuk oleh perempuan yang kaya lagi rupawan untuk

bersatu dengannya lalu ia menolak dengan berkata: Aku takut kepada Allah! , orang yang bersedekah secara bersembunyi sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diberi oleh tangan kanannya, dan orang yang menyebut atau mengingat Allah dengan keadaan tidak ada dalam ingatannya perkara lain, lalu menitis air matanya kerana mengingatkan sifat Jalal dan sifat Jamal Allah. (Riwayat : Abu Daud dan Ibnu Majah)

Huraian Hadith:

Terdapat tujuh golongan yang bakal mendapat naungan di hari akhirat kelak iaitu :

- a) Pemerintah yang adil: Ini kerana tanggungjawab yang dipikul oleh pemerintah dalam melaksanakan keadilan itu adalah perkara yang amat berat dan bukanlah mudah bagi seorang pemimpin untuk melaksanakan keadilan terhadap semua rakyatnya. Sekiranya keadilan ini berjaya ditunaikan, ganjarannya adalah amat besar sekali. Namun jika gagal, dia menjadi pemerintah yang zalim dan azab menanti di akhirat kelak.
- b) Pemuda yang hidupnya sentiasa dalam mengerjakan ibadah kepada tuhan: Ini kerana sebaik-baik masa dan semahal-mahal harganya di dalam hidup seseorang manusia adalah ketika di alam remaja kerana di usia ini seseorang itu mempunyai peluang yang banyak untuk melakarkan peta kehidupan dimasa hadapannya dengan berlumba mencari ilmu agama dan memperbanyakkan ketaatan kepada Allah. Tambahan pula pada waktu ini ia memiliki badan yang sentiasa sihat, tenaganya kuat, pendengaran dan penglihatannya tajam dan sempurna. Waktu muda juga adalah waktu berbagai-bagai ujian dan godaan terpaksa ditempuhi. Maka beruntunglah pemuda yang berjaya melepasi rintangan-rintangan ini dengan mengejar ilmu agama dan beramal ibadat.
- c) Orang yang hatinya sentiasa terikat dengan masjid: Sesungguhnya terdapat hadis yang menyebutkan bahawa dua hayunan kaki yang melangkah ke masjid ganjarannya amat besar di sisi Allah dan dikategorikan sebagai suatu sedekah. Maka apatah lagi bagi orang yang hatinya sentiasa terikat dengan masjid dan sentiasa mengunjunginya untuk beribadah, ganjarannya tentulah lebih besar lagi.
- d) Dua orang yang berkasih sayang kerana Allah di mana kedua-duanya berkumpul dan berpisah untuk mendapat keredaan Allah: Hubungan yang terjalin di atas dasar yang bercanggah dengan syariat sehingga melanggar batas-batas agama, adab kesopanan dan sebagainya adalah hubungan yang menjurus ke arah dosa dan maksiat. Seharusnya ikatan kasih sayang yang dijalinkan sesama manusia mestilah ikhlas kerana Allah agar perhubungan tersebut mendapat pahala, restu dan keberkatan daripada-Nya.
- e) Orang yang dipujuk oleh perempuan yang kaya lagi rupawan untuk bersatu (berzina) dengannya lalu ia menolak dengan berkata, Aku takut kepada Allah!: Ini menunjukkan tentang keimanan dan ketaqwaan yang sebenar telah berjaya menangkis segala bentuk godaan yang datang. Hal ini bukanlah mudah kerana tanpa kekuatan iman seseorang itu pasti akan mudah terpengaruh dengan bisikan nafsu dan akhirnya terjebak dalam perbuatan zina.
- f) Orang yang bersedekah secara bersembunyi sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diberi oleh tangan kanannya: Ia menggambarkan mengenai keikhlasan hati orang yang bersedekah. Sesungguhnya tidak ramai orang yang dapat menyembunyikan kebaikan yang dilakukannya melainkan akan terdapat jua perasaan riya' dan ingin menunjuk-nunjuk supaya mendapatkan pujian atau sanjungan dari orang ramai atau sekurang-kurangnya ada orang yang mengetahui kebaikan yang dilakukannya itu.

g) Orang yang menyebut atau mengingati Allah dengan keadaan tidak ada dalam ingatannya perkara lain, lalu menitis air matanya kerana mengingatkan sifat Jalal dan sifat Jamal Allah: Inilah sifat muslim mukmin sejati yang mempunyai perasaan cintakan Allah dengan sepenuh hatinya. Dia sentiasa memikirkan dan menghayati tentang kejadian dan keagungan ciptaan Allah serta sifat-sifat-Nya yang Maha Agung. Oleh yang demikian hati, fikiran dan jiwanya terhindar daripada perkara-perkara yang melalaikan.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Ustazah Madiah bt Mohamed Ibrahim/ Ustaz Syahril Fazli bin Mat Hussain, Unit Penerbitan, Penyelidikan dan Perundingan Pusat Islam UUM di talian 04-9282558/2567.

DARIPADA :
PUSAT ISLAM UUM
KOMPLEKS PUSAT ISLAM,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,
06010 UUM SINTOK, KEDAH
Tel : 04-928 2560/2551
Faks : 04-928 2561/2552

Website : <http://www.pusatislam.uum.edu.my/>

Email : p.islam@uum.edu.my

Facebook : Pusat Islam UUM

Twitter: Pusat Islam UUM@PusatIslamUUM14



Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.

(Please don't print this e-mail unless necessary).